

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT, MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL PERTAMA,  
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' MOHD FASIAH B. MOHD FAKEH  
(SABAK BERNAM)**

**SOALAN**

**DATO' HAJI MOHD FASIAH BIN HAJI MOHD FAKEH [SABAK BERNAM]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah PATI yang dianggarkan terdapat di negara ini mengikut negara asal dan nyatakan setakat manakah kejayaan Pelan Holistik Penguatkuasaan PATI telah berjaya mengekang kebanjiran PATI di negara ini serta jumlah tangkapan PATI ketika musim Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) berlangsung.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Di Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Dalam Negeri (KDN) melalui Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) komited dalam memastikan keselamatan negara diutamakan dengan melaksanakan operasi penguatkuasaan bersepadu secara berterusan serta tindakan pencegahan bagi mengelakkan berlakunya peningkatan jumlah PATI di negara ini.

JIM bersama-sama agensi penguatkuasaan lain dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) sentiasa melaksanakan operasi penguatkuasaan di lokasi-lokasi yang dikenalpasti menjadi tumpuan warganegara asing bagi menangani permasalahan PATI secara komprehensif. Bermula 1 Januari sehingga 23 Oktober 2020, sebanyak 5,969 operasi penguatkuasaan telah dijalankan oleh JIM melibatkan tangkapan seramai 21,178 orang PATI dari pelbagai negara.

Terkini, melalui pelaksanaan inisiatif penguatkuasaan secara bersepadu iaitu Op Benteng dengan kerjasama Polis Diraja Malaysia (PDRM), Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM), seramai 10,469 orang PATI berjaya ditangkap dari 1 Mei hingga 21 Oktober 2020. Op Benteng yang diterajui oleh *National Task Force* (NTF) adalah bertujuan untuk mengawal sempadan dan pintu masuk negara daripada dibolosi oleh PATI selain mengekang penularan wabak COVID-19.

**Tuan Yang Di Pertua,**

Dengan angka tangkapan PATI yang konsisten melalui pelaksanaan operasi penguatkuasaan dan Op Benteng, KDN melalui JIM turut memperhalusi Pelan Holistik Penguatkuasaan PATI sebagai strategi untuk mengatasi permasalahan PATI di negara ini secara lebih komprehensif dengan kerjasama antara pelbagai Kementerian dan Agensi. Pelan yang dirangka untuk pelaksanaan aktiviti penguatkuasaan dalam tempoh lima (5) tahun ini bertujuan untuk mewujudkan satu ekosistem yang tidak selesa kepada PATI dalam meneruskan kehidupan seharian mereka melalui

## SOALAN NO : 278

pendekatan mendaya upaya agensi penguat kuasa dan kawal selia sedia ada termasuk meningkatkan kerjasama strategik dan kesedaran masyarakat setempat.

Pelan Holistik Penguatkuasaan PATI ini akan menggariskan pelan tindakan atau strategi membanteras PATI berdasarkan lima (5) strategi atau fokus utama iaitu:-

- (i) **Strategi Perundangan dan Dasar Penguatkuasaan PATI** yang menggariskan pelan pelaksanaan penggubalan undang-undang dan penyelarasan dasar berkaitan penguatkuasaan PATI;
- (ii) **Strategi Kawalan Sempadan dan Pintu Masuk** yang menggariskan pelan pelaksanaan pemantauan kawalan keselamatan di sempadan dan pintu masuk negara;
- (iii) **Strategi Pengurusan Pekerja Asing** yang menggariskan pelan penyelarasan dasar berkaitan pekerja asing;
- (iv) **Strategi Operasi Penguatkuasaan PATI** yang menggariskan pelan pelaksanaan berkaitan operasi penguatkuasaan membanteras PATI di seluruh negara; dan
- (v) **Strategi Media dan Publisiti** yang menggariskan pelan pelaporan media, publisiti dan program kesedaran berkaitan PATI.